

17 NOV 1996

Mahathir-EU

NEGARA MEMBANGUN DIGESA TOLAK PERJANJIAN PELBAGAI HALA

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata negara-negara membangun hendaklah menolak langkah Kesatuan Eropah (EU) untuk memaksa perjanjian pelaburan pelbagai hala terhadap mereka.

Perdana Menteri berkata perjanjian itu, yang EU bercadang membangkitkan di Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), akan hanya meletakkan negara membangun sebagai tanah jajahan Barat "kerana itulah niat mereka (EU)".

"Sikap ingin terus menjajah dan menguasai dunia tidak hilang daripada pendirian mereka.

"Mereka masih ingin menguasai seluruh dunia," kata beliau sekembalinya dari lawatan 16 hari ke luar negara di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang.

Perjanjian itu bagi membolehkan syarikat-syarikat EU melabur di negara lain dengan 100 peratus ekuiti. WTO dijadual mengadakan mesyuaratnya di Singapura bulan depan.

Dr Mahathir berkata tindakan EU untuk memperkenalkan perjanjian itu menunjukkan bahawa mereka mahu mengambil alih semua bentuk perniagaan di seluruh dunia baik dalam bidang kewangan dan telekomunikasi.

Perdana Menteri berkata dengan memiliki perniagaan telekomunikasi, mereka akan menguasai bidang penyiaran untuk menyebarkan propaganda mereka.

Kenyataan Dr Mahathir itu berbangkit berikutan laporan bahawa Amerika Syarikat telah menawarkan dengan meluas pasaran telekom domestik kepada saingan asing sebagai satu daripada usaha bersama dengan EU untuk mendapatkan pakatan sejagat dalam sektor yang berkembang pesat.

Washington juga menegaskan bahawa ia mahukan tawaran-tawaran yang lebih baik daripada kuasa-kuasa besar Asia, khususnya pasaran-pasaran telekom yang menguntungkan, sebelum berikrar untuk membuka pasarannya kepada semua negara.

Dr Mahathir berkata beliau akan membangkitkan perkara itu pada Mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Manila dan sidang kemuncak tidak rasmi Asean di Jakarta, kedua-duanya hujung bulan ini.

"Kita akan membantah...kita tidak akan bersetuju," kata beliau.

Perdana Menteri berkata negara-negara membangun Kumpulan 15 (G-15) juga menolak cadangan perjanjian itu dengan sebahagian daripada pemimpin negara berkenaan yang ditemui beliau turut menyatakan bantahan mereka terhadap cadangan itu.

Beliau berkata Malaysia, yang akan menjadi tuan rumah sidang kemuncak G-15 tahun depan, akan cuba mendapatkan sebanyak mungkin kehadiran ketua-ketua kerajaan pada mesyuarat itu.

Dr Mahathir juga memberi komen mengenai pengambilalihan syarikat pengeluar kereta sukan dan mewah United Kingdom, Lotus, oleh Proton, pengeluar kereta nasional, yang majoriti sahamnya dimiliki Tan Sri Yahya Ahmad.

Beliau berkata Permodalan Nasional Berhad (PNB) atau syarikat lain boleh mengambil alih syarikat itu tetapi ia harus mengetahui kemahiran teknologi dan perniagaan untuk mengendalikan syarikat itu.

"PNB tidak boleh menguruskan sesebuah syarikat jika ia tidak faham keperluannya (syarikat itu)," kata beliau.

Perdana Menteri berkata strategi kerajaan adalah untuk memindahkan beberapa daripada ratusan syarikat di bawah PNB kepada usahawan tempatan yang mampu menguruskannya dari segi kewangan dan kemahiran.

"Dengan cara ini, mereka (usahawan berkenaan) akan menjaga syarikat itu," kata beliau. --BERNAMA  
ES NAK